

Headline	Syarikat korporat digesa beri sokongan kewangan kepada KKM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	39
ArticleSize	127 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,267		



Syarikat korporat digesa beri sokongan kewangan kepada KKM

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah memulakan satu usaha kerjasama untuk menggalakkan syarikat korporat di Malaysia bekerjasama dengan kerajaan dan berganding bahu memerangi penularan wabak koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Menurut KKM dan TNB dalam satu kenyataan bersama semalam, inisiatif Corporate Malaysia Against Covid-19 Action Coalition itu menggesa syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan organisasi lain untuk memberikan sokongan kewangan kepada KKM bagi membantu menambah bekalan perubatan yang semakin berkurangan ketika negara bergelut untuk membendung Covid-19.

Sebagai perbadanan yang menerajui usaha ini, TNB telah berjanji memberi bantuan berjumlah RM10 juta kepada KKM baru-baru.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min berkata, pertambahan bilangan pesakit yang dijangkiti virus Covid-19 di Malaysia telah memberi tekanan kepada sumber hospital kerajaan yang dikhususkan bagi merawat penyakit itu.

“Kita berharap GLC dan perbadanan lain di Malaysia akan menyertai usaha kerjasama ini bagi membantu kami berdepan pandemik ini dengan lebih baik lagi,” katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, ini adalah perjuangan semua pihak yang terlibat di dalamnya.

Perbadanan dan organisasi yang berminat untuk memberikan sokongan boleh menghubungi KKM di talian **03-88833069/3076/2406**. - *Bernama*